

Headline	Golongan gay makin berani		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	23 Dec 2011	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	I-57	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	99 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 396
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,188



# Golongan gay makin berani

**KOTA BHARU** - Walaupun menyedari hubungan sejenis berpotensi dijangkiti HIV dan Aids tetapi masih ramai lelaki Melayu yang degil serta terjebak dalam perbuatan terukuk itu.

Presiden Majlis Aids Malaysia, Tan Sri Mohd Zaman Khan berkata, pada tahun 2010 jangkitan melalui hubungan seksual (hertero, homo atau biseksual) mencatatkan 48.7 peratus sedikit melepasi jangkitan melalui penggunaan dadah suntikan iaitu sebanyak 47.4 peratus.

Menurutnya, lelaki yang mengadakan hubungan sama jantina di negara ini adalah serius dan jumlah itu adalah tinggi seperti air bah serta ia melibatkan golongan bawahan.

"Saya rasa malu dengan lelaki Melayu kita ini. Kes ini boleh dijangkiti disebabkan tempat yang digunakan terbabit adalah bukan untuk hubungan seks dan seterusnya membolehkan kemasukan virus. Ada beberapa faktor keadaan ini boleh berlaku iaitu kurangnya penerangan kepada masyarakat berhubung jangkitan yang berlaku dan ada juga tidak mengambil iktibar terhadap kesannya itu," katanya kepada media semalam.

Terdahulu beliau bersama kira-kira 100 wanita di negeri ini terdiri daripada kakitangan swasta, kerajaan, badan bukan kerajaan serta masyarakat Siam menyertai Majlis Pelancaran Seminar Memperkasakan Wanita Menangani HIV/Aids selama dua hari bermula semalam di sebuah hotel, dekat sini semalam.

Mohd Zaman juga menyifatkan kumpulan tersebut sekarang semakin berani menonjolkan diri dan mempunyai jaringan kuat di negeri terlibat tidak seperti zaman sebelum ini.